

Sediakan pelan kecemasan elak banjir

8/11

KBSMG-15

KUALA LUMPUR - Kerajaan-kerajaan negeri diminta menyusun pelan tindakan kecemasan segera dan mempertimbangkan faktor luar jangka yang berisiko mencetuskan banjir sebelum meluluskan sesuatu projek pembangunan.

Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Noh Omar (gambar



kecil) berkata, pengurusan projek pembangunan di lereng bukit dan longkang tersumbat perlu diambil tindakan segera bagi mengelakkan berlakunya banjir.

"Kerajaan negeri perlu membuat tinjauan dan kalau perlu ada batasan atau empangan tertentu berisiko (pecah) menyebabkan banjir, kerajaan negeri kena ambil tindakan segera," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan tambahan **Datuk Dr. Noor Azmi Ghazali (BN-Bagan Serai)** pada sidang Dewan Rakyat di sini semalam.

Ahli Parlimen tersebut mengemukakan soalan

berhubung tindakan segera yang perlu dilaksanakan apabila berlaku banjir akibat faktor ketiga seperti penempatan pokok.


Sementara itu, kepada soalan **Annuar Abd. Manap (BN-Sekijang)**

berhubung kesiapsiagaan menghadapi banjir, Noh berkata, Kerajaan Persekutuan mengutamakan keselamatan

rakyat dan menyetepikan perbezaan politik dengan menghulurkan bantuan kepada kerajaan pimpinan pembangkang.

Katanya, semua agensi berkaitan akan diselarasakan di bawah Agensi Pengurusan Bencana Negara (Nadma) untuk melaksanakan pelan tindakan segera apabila berlaku banjir.

Katanya, agensi berkenaan ialah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM), Angkatan Pertahanan Awam Malaysia, Polis Diraja Malaysia, Jabatan Meteorologi, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dan Jabatan Mineral dan Geosains.



SEBUAH projek perumahan mewah di lereng bukit di Tanjung Bungah, Pulau Pinang terjejas teruk dengan sebahagian binaannya runtuh akibat hujan lebat dan ribut pada Sabtu lalu.